KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	21/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	JAB.HIDUPAN LIAR SABAH			



BUAYA seberat 300kg yang terperangkap di dalam parit sebuah pusat peranginan di Wilayah Sahabat, Lahad Datu kelmarin.

Kosmo 21 Okt 2021_9

Buaya tembaga 300kg terperangkap dalam parit

LAHAD DATU – Seekor buaya tembaga sepanjang lebih tiga meter terperangkap dalam parit di sebuah pusat peranginan Felda Residence, Wilayah Sahabat di sini kelmarin.

Kehadiran reptilia seberat kira-kira 300 kilogram (kg) itu disedari oleh pihak pengurusan pusat peranginan tersebut sebelum menghubungi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Lahad Datu pada pukul 11.25 malam.

Jurucakap APM Sabah berkata, sebaik tiba di lokasi penemuan pada pukul 11.50 malam, operasi memerangkap haiwan tersebut segera dilaksanakan.

"Anggota APM terpaksa menggunakan perangkap bagi mengeluarkan buaya tersebut dari saluran air pusat peranginan berkenaan.

"Reptilia itu berjaya dikeluarkan pada pukul 2.11 pagi dan pihak Jabatan Hidupan Liar Sabah telah dihubungi bagi tujuan proses penyerahan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut jurucakap itu, panjang buaya tersebut adalah 3.2 meter, manakala ukur lilit badan pula lebih satu meter.